

10/05/1997

30 pegawai awasi Islam di Internet

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pusat Islam melantik 30 pegawai agama khusus untuk mengendalikan penyebaran dakwah di dalam dan luar negara serta menangkis serangan musuh Islam melalui Internet.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata pegawai terbabit sedang menjalani latihan intensif sebagai persiapan menyebarkan dakwah Islam melalui kaedah teknologi maklumat itu.

Menurutnya, pegawai terbabit bertanggungjawab menjelaskan kemusykilan dan menjawab semua pertanyaan melalui e-mel (mel elektronik) yang dihantar oleh orang ramai, termasuk dari luar negara.

"Antara mesej yang dialamatkan kepada Homej Pusat Islam, diterima daripada pelbagai pihak dan individu selain gerakan Qadiani dan Syiah antarabangsa," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Beliau berkata, Pusat Islam kini dalam proses memperkukuhkan Unit Homejnya bagi menghadapi perkembangan alaf baru multimedia yang digunakan sebagai satu saluran propaganda memerangi Islam dan meracuni fikiran umatnya.

Oleh itu, katanya, organisasi Islam termasuk Pusat Islam harus menguasai kepakaran dan teknologi yang sama untuk menangkis serangan serta menjelaskan semua kedudukan sebenar kepada mereka.

Dr Abdul Hamid berkata, unit itu beroperasi di Bangunan Pusat Islam dan menyebarkan dakwah serta penjelasan isu tertentu dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

"Penjelasan semula isu yang mengelirukan dan dakyah musuh Islam melalui Internet juga sangat penting untuk faedah umat Islam tempatan serta warganegara kita di seberang laut," katanya.

Homej Pusat Islam ialah <http://www.islam.gov.my> dan sedia menjawab sebarang kemusykilan dan keraguan mengenai Islam selain menyediakan kemudahan pelbagai maklumat mengenai Islam di Malaysia serta ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Islam.

"Satu terjemahan lengkap al-Quran serta himpunan hadis juga akan dimuatkan dalam homej itu," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, rangkaian Sistem Maklumat Islam (Sismi) sudah diwujudkan sebagai projek perintis di Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis sejak dua bulan lalu. Sistem itu dijangka dilaksanakan di semua negeri tahun depan.

Rangkaian itu, berupaya menghubungkan antara pejabat agama daerah serta ibu pejabat di negeri terbabit secara talian terus.

Sistem itu, kata Dr Abdul Hamid, pada peringkat awal menyediakan data mengenai rekod nikah cerai, fatwa dan keluarga fakir Islam yang menjadi penerima zakat di negeri terbabit sejak 10 tahun lalu.

(END)